

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pelan jaringan Internet di Malaysia. Berdasarkan laporan yang diperoleh dan dijalankan di Padang Serai, kelajuan Internet berada di bawah 40MB dan ini tidak selari dengan standard kelajuan yang telah ditetapkan di kawasan 4G iaitu 40MB ke atas. Mohon berikan penjelasan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar kelajuan muat turun 4G yang diterima oleh pengguna adalah berbeza di setiap kawasan. Ia adalah disebabkan oleh pelbagai faktor iaitu spektrum yang dikongsi dikalangan beberapa pembekal perkhidmatan, bilangan pengguna dalam sesuatu kawasan, kadar penembusan bangunan dan model telefon yang digunakan.

Oleh yang demikian, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menetapkan tahap minima kualiti mandatori yang perlu dipenuhi oleh syarikat pembekal perkhidmatan jaringan internet jalur lebar tanpa wayar 4G. Tahap kualiti mandatori ini dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2021 yang mana tahap kelajuan muat turun pada 2.5 Mbps untuk penerimaan telefon selular dan 25 Mbps untuk penerimaan menggunakan peralatan berantena tetap di luar (*fixed wireless access/FWA*).

Di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 (2020-2022), Kerajaan menyasarkan untuk meningkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih kepada purata 35Mbps bagi seluruh negara.

Berdasarkan laporan Ookla, Parlimen Padang Serai merekodkan purata kelajuan jalur lebar mudah alih 20Mbps pada Suku Kedua 2021. Antara faktor utama yang mempengaruhi purata kelajuan ini adalah pertambahan jumlah pengguna di sesebuah kawasan terutamanya ketika berlaku perintah kawalan pergerakan (PKP), aktiviti sidang video dan melayari laman YouTube serta penstriman video yang memerlukan lebar jalur dan kelajuan yang lebih tinggi.

Bagi meningkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih di seluruh negara secara amnya dan di Parlimen Padang Serai secara khususnya, Kerajaan bersama pihak penyedia perkhidmatan sedang giat melaksanakan beberapa inisiatif bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan dan liputan jalur lebar mudah alih seperti pembinaan struktur komunikasi baharu dan penaiktarafan alat pemancar di struktur komunikasi sedia ada.

SOALAN NO : 51

Sehingga 31 Julai 2021, di bawah pelan JENDELA (2020-2022), sebanyak tambahan 2 struktur komunikasi telah siap dibina dan diaktifkan manakala sebanyak 5 lagi struktur komunikasi baharu berada di peringkat perancangan untuk dilaksanakan di Parlimen Padang Serai.

Bagi penaiktarafan alat pemancar di Parlimen Padang Serai, sehingga 31 Julai 2021, sebanyak 151 alat pemancar telah siap dinaiktaraf ke 4G manakala sebanyak 10 lagi alat pemancar sedang disediakan. Selain itu, sebanyak 164 alat pemancar berada di peringkat perancangan untuk dinaiktarafkan.

Selain itu juga, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) turut giat memantau prestasi kualiti liputan di seluruh negara termasuk di Parlimen Padang Serai. Pada 26 Julai 2021 yang lalu, pihak MCMC telah menjalankan ujian liputan perkhidmatan mudah alih di sekitar Padang Serai bersama kesemua penyedia perkhidmatan. Ujian liputan perkhidmatan mudah alih ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti status liputan dan kualiti perkhidmatan secara lebih terperinci di Padang Serai.

Dengan terlaksananya inisiatif-inisiatif ini kelak, Kerajaan berharap sasaran purata kelajuan 35Mbps akan dapat dicapai menjelang tahun 2022.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN WONG CHEN**
[SUBANG]
TARIKH : **23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menyemak semula unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2021 memandangkan unjuran *Fitch Solutions* adalah amat rendah pada 0%.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengambil maklum akan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun 2021 pada kadar 0 peratus oleh Fitch Solutions baru-baru ini. Kerajaan berpandangan bahawa unjuran tersebut adalah terlampau pesimis berbanding unjuran terkini oleh pelbagai penganalisis dan pakar ekonomi, iaitu di antara 2 dan 6 peratus. Selain itu, Tabung Kewangan Antarabangsa (atau IMF) mengunjurkan ekonomi Malaysia bagi tahun 2021 berkembang sebanyak 4.7 peratus manakala Bank Dunia sebanyak 4.5 peratus. Namun, setelah mengambil kira momentum pertumbuhan ekonomi tahun 2021 yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah pembendungan pandemik yang lebih ketat mulai Mei 2021, Kerajaan telah menyemak semula unjuran pertumbuhan KDNK negara kepada antara 3 dan 4 peratus berbanding anggaran awal iaitu antara 6 dan 7.5 peratus.

2. Semakan semula rasmi tersebut juga adalah berdasarkan andaian pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial pada suku keempat 2021 berikutan kemajuan dan keberkesanan pelaksanaan program imunisasi COVID-19 yang memberangsangkan. Sehingga 16 September 2021, jumlah populasi dewasa yang telah lengkap divaksinasi melepasi 100 peratus bagi Lembah Klang dan hampir 77 peratus bagi seluruh negara. Jangkaan pencapaian imuniti kelompok pada Oktober 2021 berdasarkan kemajuan kadar vaksinasi terkini serta pembukaan semula sektor ekonomi secara berperingkat sepanjang fasa PPN akan turut mendorong sentimen positif dalam kalangan perniagaan dan pengguna.

3. Kini, sebahagian besar kes positif COVID-19 merupakan kes tidak bergejala atau bergejala ringan dan kadar kemasukan hospital bagi kes COVID-19 juga telah menurun. Pelaksanaan pelbagai pakej rangsangan, bantuan ekonomi, plan pemulihan dan langkah Bajet 2021 yang berterusan serta disokong oleh pemulihan ekonomi dan perdagangan global dijangka membantu mengekalkan momentum pertumbuhan KDNK sehingga tahun 2022.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memulihkan ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19 di samping melindungi nyawa dan kehidupan rakyat. Antara inisiatif utama untuk terus menyokong sektor yang terkesan dan merancakkan semula aktiviti ekonomi adalah melalui:

- Pertama, pelaksanaan sejumlah lapan pakej bantuan rangsangan ekonomi dan bantuan yang komprehensif bernilai RM530 bilion sejak bulan Mac tahun 2020 (2020: RM305 bilion; 2021: RM225 bilion);
- Kedua, pengenalan inisiatif-inisiatif dalam Belanjawan 2021 dengan peruntukan berjumlah RM322.5 bilion; dan

- Terakhirnya, pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (atau PPN) yang merupakan strategi peralihan keluar secara berfasa daripada kemelut pandemik COVID-19.

5. Berikutan pelaksanaan pelbagai pakej, pelan dan langkah berkenaan, trend pemulihan ekonomi telah dapat dilihat di mana ekonomi negara telah berkembang sebanyak 7.1 peratus pada separuh pertama tahun 2021 berbanding penguncupan sebanyak 8.4 peratus pada tempoh yang sama pada tahun 2020. Setakat ini, lebih daripada 200 bilion ringgit daripada pakej rangsangan ekonomi telah disalurkan dan memanfaatkan lebih daripada 20 juta orang dan 2.4 juta perniagaan sejak Mac 2020. Lebih daripada 300 bilion ringgit juga masih tersedia untuk tahun ini bagi terus menyokong aktiviti ekonomi sepanjang pelbagai fasa PPN selaras dengan pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial secara berperingkat.

6. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus memantau perkembangan ekonomi global dan domestik terkini dengan teliti bagi mengenal pasti sebarang risiko yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan KDNK negara pada tahun 2021. Sekiranya terdapat keperluan untuk menyemak semula unjuran antara 3 peratus dan 4 peratus tersebut, Kerajaan akan mengumumkan unjuran terkini semasa pembentangan Bajet 2022 pada bulan Oktober 2021 kelak.

Sekian, terima kasih.